

## **TALKING POINTS**

**PROF. TS. DR. MASSILA KAMALRUDIN**

**NAIB CANSELOR UTeM**



**PELANCARAN PROGRAM KEPIMPINAN ALTRUISTIK DAN WOMAN**

**of WISDOM UTeM**

**20 Mei 2022 (Jumaat), 10.00 pagi**

**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

**Auditorium Canselor UTeM**

Terima Kasih Pengacara Majlis,

**Yang Berhormat Datuk Kalsom Nordin**

Exco Hal Ehwal Wanita, Pembangunan Keluarga dan  
Kebajikan, Negeri Melaka

**Yang Berbahagia Datuk Dr. Sabri bin Mohamad Sharif**

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) UTeM


**Yang Berusaha Tuan Haji Mohd Haswandi Bin Haji Ahmad**  
Ketua Pengarah Institut Pembangunan dan Kecemerlangan  
Kepimpinan, Kementerian Belia dan Sukan

**Saudara Muhammad Amri Hakimi bin Alias**

Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar UTeM Sesi 2021/2022

Pegawai Kanan Universiti, Dekan Fakulti, Barisan Majlis  
Perwakilan Pelajar, Pegawai-Pegawai dari Pejabat Hal Ehwal  
Pelajar, Hadirin dan Hadirat sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera


- 
1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kehadrat Allah SWT , kerana di atas limpah kurnia dan keizinannya dapat kita bersama di Auditorium Canselori di pagi Jumaat yang penuh barakah ini bersempena dengan Pelancaran Program Kepimpinan Altruistik dan Program Woman of Wisdom UTeM.

2. Masih belum terlambat untuk saya ucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin kepada Yang Berhormat Datuk, Pegawai Kanan UTeM dan hadirin hadirat sekalian. Semoga sambutan Aidilfitri kali ini disambut dengan penuh rasa kesyukuran dan ukhuwah persaudaraan antara kita sebagai keluarga UTeM semakin utuh, setelah dua tahun kita tidak dapat menyambut perayaan kesyukuran ini dengan penuh kemeriahian.
3. Dikesempatan ini, bagi pihak Universiti Teknikal Malaysia Melaka, UTeM saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Kalsom binti Noordin, Exco Hal Ehwal Wanita,

Pembangunan Keluarga dan Kebajikan, kerana sudi memenuhi jemputan kami untuk bersama-sama dalam majlis pada pagi ini. Kehadiran Yang Berhormat Datuk pastinya dapat merapatkan lagi ukhwah sesama kita antara pihak Universiti dan Kerajaan Negeri. Kami mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana sentiasa memberikan sokongan dan dorongan berterusan kepada UTeM khususnya dalam agenda pembangunan dan pemerkasaan siswa-siswi UTeM.

4. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini ingin mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Institut Pembangunan dan Kecemerlangan Kepimpinan, Kementerian Belia dan Sukan kerana sudi berkolaborasi bersama UTeM bagi pelaksanaan program perintis yang julung kalinya dilaksanakan bersama Universiti Awam iaitu Program Kepimpinan Altruistik dengan sasaran 6,000 pelajar dan yang terkini, pengajuran Program Woman of Wisdom dengan sasaran penyertaan seramai 1,000 orang pelajar wanita UTeM. Terima kasih diucapkan kepada i-LEAD kerana sentiasa bersama-sama UTeM dalam menjayakan agenda pemerkasaan siswa siswi TUAH

UTeM selari dengan kehendak Universiti dalam melahirkan modal insan cemerlang yang syumul dan hasrat Kementerian Pengajian Tinggi, juga Kementerian Belia dan Sukan.

- 
5. Sebagai makluman Yang Berhormat Datuk dan hadirin sekalian, inisiatif dan usaha bersama ini adalah selari dengan hasrat Universiti menerusi Pejabat Hal Ehwal Pelajar yang menyasarkan tahun 2022 sebagai tahun kebaikan pelajar. Aspek kebaikan ini boleh didefinisikan dalam pelbagai cara. Ini termasuklah penganjuran program latihan kepimpinan siswa siswi UTeM dengan pendekatan

mahupun kaedah yang spesifik menjurus kepada pembangunan dan pemerkasaan kualiti diri anak bangsa yang lebih terserlah pada masa hadapan.

6. Pelaksanaan Program Kepimpinan Altruistik ini telah bermula sejak bulan Ramadan yang lepas, melibatkan tiga siri program dengan penyertaan hampir seramai 1,000 pelajar. Insya Allah, program kepimpinan ini akan diteruskan dengan beberapa siri program lagi bermula dari bulan ini. Tahniah diucapkan kepada kepada Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Majlis Perwakilan Pelajar UTeM atas segala usaha dan komitmen bersama pihak i-LEAD bagi menjayakan program berimpak tinggi ini.

**Yang Berhormat Datuk dan hadirin sekalian,**

7. Dalam pembangunan siswa siswi TUAH UTeM yang memilik sifat keseimbangan, holistik, mempunyai kemahiran insaniah tersendiri, UTeM menerusi Pejabat Hal Ehwal Pelajar telah menggariskan beberapa inisiatif strategik, antaranya dalam aspek pembangunan nilai dan personaliti pelajar menerusi lapan dimensi TUAH UTeM yang merangkumi aspek Pembangunan Akademik dan Kerjaya, Etika dan Kerohanian, Pengurusan dan Kepimpinan, Sukan dan Rekreasi, Kebudayaan dan Identiti Nasional,

Keusahawanan, Sukarelawan dan Khidmat Komuniti, Teknikal dan Inovasi.

8. Selain itu, bagi merealisasikan Matlamat Kedua dalam UTeM Seven Strategic Goals iaitu Graduates of Choice, tiga aspek penting telah diberikan perhatian menerusi pendekatan 3K atau 3W iaitu Kebajikan (Welfare), Kesejahteraan (Wellbeing) dan Keupayaan (Work for Empowerment).
9. Insya Allah, menerusi usaha dan inisiatif bersepadu ini, apa yang diharapkan agar UTeM terus melahirkan siswa siswi di samping graduan yang bercirikan TUAH iaitu tangkas, unggul, adaktif, dan holistik.

**Yang Berhormat Datuk, hadirin sekalian,**

10. Mengakhiri ucapan, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Berhormat Datuk Exco dan i-LEAD atas sokongan berterusan kepada UTeM. Tidak dilupakan tahniah diucapkan kepada pihak Pejabat Hal Ehwal Pelajar, Majlis Perwakilan Pelajar dan semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan program kepimpinan yang penuh manfaat ini.

11. Semoga segala apa yang kita laksanakan ini memperoleh keberkatan dan ganjaran Allah SWT. Sekian, terima kasih.

